		SSU1023 Asas Antropologi dan Sosiologi	SSU1023 Basics of Anthropology and Sociology	1 & 2	
		SSU1033 Pengantar Psikologi	SSU1033 Introduction to Psychology	1 & 2	
		SSU1053 Pengantar Interaksi Sosial	SSU1053 Introduction to Social Interaction	1 & 2	Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia (FSKPM)
		KMU1013 Hubungan Menolong	KMU1013 Helping Relationship	1 & 2	
		KMU1063 Pengenalan Kesihatan Mental	KMU1063 Introduction to Mental Health	1	
3	<b>Perniagaan dan Pengurusan <i>Business and Management</i></b>	EBU1063 Pengurusan Wang Bijak	EBU1063 Smart Money Management	1 & 2	Fakulti Ekonomi dan Perniagaan (FEP)
		EBU2043 Pengenalan Kepada Harta Intelek	EBU 2043 Introduction to Intellectual Property	1 & 2	
		EBU1023 Pengurusan Akaun Perniagaan Kecil	EBU 1023 Managing Small Business Accounts	1 & 2	
		EBU1053 Pengurusan Perniagaan Dalam Talian	EBU 1053 Online Business Management	1 & 2	
		EBU1033 Persekutuan Ekonomi Malaysia	EBU1033 Malaysian Economics Environments	1 & 2	
		KMU1023 Pengenalan Pembangunan Sumber Manusia	KMU1023 Introduction to Human Resource Development	2	Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia (FSKPM)
4	<b>Seni Kreatif dan Reka Bentuk <i>Creative Arts and Design</i></b>	GKU1013 Drama dan Teater Moden Melayu Malaysia	GKU1013 Modern Malay Drama and Theatre of Malaysia	1	Fakulti Sains Gunaan dan Kreatif (FSGK)
		GKU1033 Fotografi Digital dan Imejan Media Sosial	GKU1033 Digital Photography and Social Media Imaging	1	
		GKU1043 Sejarah Sinema Malaysia	GKU1043 History of Malaysian Cinema	1	
		GKU1053 Sejarah Drama dan Teater	GKU1053 History of Drama and Theater	2	
		GKU1063 Pengenalan Kepada Asas Muzik	GKU1063 Introduction to Basic Music	2	
		GKU1083 Pengenalan Pengarahan Pentas	GKU1083 Introduction to Stage Directing	2	
		GKU1093 Asas Lukisan Figura	GKU1093 Basic Figure Drawing	1	
		BEU1023 Lakaran Kreatif	BEU1023 Creative Sketches	1	Fakulti Alam Bina (FAB)

**Senarai Kursus Elektif Universiti Sesi 2022/2023**

Kluster	Kategori Kluster	Kod dan Nama Kursus (Bahasa Melayu)	Kod dan Nama Kursus (Bahasa Inggeris)	Semester Penawaran	Fakulti
5	<b>Lingistik dan Komunikasi</b> <i>Linguistic and Communication</i>	PBU1133 Bahasa Arab 1	PBU1133 Arabic Language Level 1	1 & 2	Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK)
		PBU1043 Bahasa Jepun 1	PBU1043 Japanese Language Level 1	1 & 2	
		PBU1073 Bahasa Perancis 1	PBU1073 French Level I	1 & 2	
		PBU1103 Bahasa Mandarin 1	PBU1103 Mandarin Level 1	1 & 2	
		PBU0033 Bahasa Iban untuk Komunikasi	PBU0033 Iban for Communication	1 & 2	
		PBU2143 Bahasa Arab 2	PBU2143 Arabic Language Level 2	1 & 2	
		PBU2053 Bahasa Jepun 2	PBU2053 Japanese Language Level 2	1 & 2	
		PBU2083 Bahasa Perancis 2	PBU2083 French Level 2	1 & 2	
		PBU2113 Bahasa Mandarin 2	PBU2113 Mandarin Level 2	1 & 2	
		PBU3153 Bahasa Arab 3	PBU3153 Arabic Level 3	1 & 2	
		PBU3063 Bahasa Jepun 3	PBU3063 Japanese Language Level 3	1 & 2	
		PBU3093 Bahasa Perancis 3	PBU3093 French Level 3	1 & 2	
		PBU3123 Bahasa Mandarin 3	PBU3123 Mandarin Level 3	1 & 2	
6	<b>Elektif Bebas</b> <i>Free Elective</i>	Semua kursus yang dinyatakan dalam kluster di atas. Pelajar hanya dibenarkan memilih <b>maksimum 2 kluster</b> sahaja daripada 5 kluster.			Seperti maklumat diatas
					Semua Fakulti

## 8. SISTEM PENASIHATAN AKADEMIK

### Tanggungjawab Penasihat Akademik

Setiap staf akademik adalah penasihat akademik dan diberikan tanggungjawab ke atas sekumpulan pelajar. Tanggungjawab penasihat akademik adalah:

- i. Memberi nasihat kepada pelajar mengenai perkara akademik dan bukan akademik (secara umum).
- ii. Memberi perhatian khusus kepada mereka yang mempunyai keperluan khusus.
- iii. Merujuk pelajar kepada staf akademik yang sesuai (penyelaras, Ketua Jabatan, dll.) bagi isu akademik yang melangkaui pengetahuan/kawalan penasihat akademik.
- iv. Menggalakkan pelajar cemerlang dalam pengajian mereka dan menjalani kehidupan yang seimbang serta fleksibel di universiti.
- v. Memberikan pandangan tentang penyelidikan di dalam bidang dan perspektif kerjaya.
- vi. Memupuk semangat cintakan fakulti dan universiti di mana semangat alumni boleh dikembangkan.
- vii. Menerapkan nilai-nilai murni UNIMAS.
- viii. Memberi rujukan akademik apabila diperlukan oleh pelajar.
- ix. Memaklumkan kepada Penyelaras Program mengenai pelajar yang menghadapi kesulitan dalam pelajaran mereka.
- x. Merujuk pelajar yang mempunyai masalah peribadi kepada Perkhidmatan Kaunseling dan Psikologi universiti.
- xi. Merujuk pelajar dengan masalah perubatan ke Pusat Kesihatan Universiti.

## 9. PANDUAN DAN PERATURAN PENEMPATAN LATIHAN INDUSTRI

### i. Pendahuluan

Latihan Industri adalah program latihan yang diwajibkan kepada semua pelajar yang berdaftar di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Mengikut ketetapan Universiti, pelajar dikehendaki lulus di dalam latihan ini sebelum mereka dibenarkan bergraduat. Secara langsung, latihan ini memberi peluang kepada pelajar mempraktikkan apa yang telah dipelajari. Pengalaman praktikal yang diperolehi semasa menjalani latihan adalah penting bagi menghasilkan graduan UNIMAS yang berpandangan jauh dan realistik serta menyediakan pengalaman berguna kepada pelajar dalam mendedahkan mereka kepada persekitaran kerja.

Program Latihan Industri juga adalah salah satu usaha Universiti untuk merapatkan hubungan di antara Universiti dengan organisasi lain dan agensi-agensi kerajaan. Melalui hubungan ini, kedua-dua pihak boleh mendapat faedah dan memberi sumbangan positif kepada pembangunan institusi masing-masing.

### ii. Definisi

**Latihan Industri** adalah program latihan luar kampus yang diwajibkan kepada semua pelajar yang berdaftar di bawah Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UNIMAS.

**Program Fakulti** adalah enam program kajian yang berada di bawah Fakulti Sains Sosial iaitu Kajian Khidmat Sosial, Kajian Hubungan Industri dan Perburuhan, Program Perancangan dan Pembangunan, Kajian Politik dan Pemerintahan, Kajian Antarabangsa dan Antropologi dan Sosiologi.

**Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan** adalah salah satu fakulti yang terdapat di UNIMAS. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan diterajui oleh Dekan Fakulti.

**Penyelia dan Penyeliaan** adalah tanggungjawab Fakulti dan agensi latihan. Tanggungjawab penyelia agensi adalah memastikan serta menunjuk ajar pelajar supaya dapat mengendalikan tugas yang diberikan sebaik mungkin. Penyelia dari fakulti pula adalah terdiri daripada pensyarah-pensyarah fakulti yang bertanggungjawab memastikan pelajar mempunyai aktiviti bersesuaian sepanjang tempoh Latihan Industri dan memberi gred kepada pelajar berdasarkan kriteria-kriteria penilaian yang telah ditetapkan fakulti.

**Penyelaras Latihan Industri Program** adalah individu yang bertanggungjawab memastikan kelancaran program Latihan Industri Fakulti dari segi pembelajaran dan penyeliaan.

**Kredit** program Latihan Industri ini diberi (i) nilai enam (6 – SSF3026) kredit, atau (ii) nilai lima (5 –SSF2115) kredit, bergantung kepada penawaran latihan industri mengikut program semasa.

**Pengecualian** Latihan Industri adalah **WAJIB** kepada semua pelajar yang berdaftar di fakulti. Walau bagaimanapun, dalam keadaan tertentu, permohonan pengecualian akan diberikan pertimbangan wajar berdasarkan budi bicara Dekan Fakulti.

‘**Practicum Learning Contract**’ merupakan perjanjian awal yang dibuat antara pelajar dengan Fakulti/Agenzi yang dipilih di mana latihan industri dijalankan. Perjanjian ini merupakan janji pelajar untuk bertanggungjawab dan bersetuju untuk menjalankan latihan mengikut syarat-syarat yang dikenakan oleh agensi yang dipilih.

### iii. Objektif

Objektif utama penempatan industri adalah untuk:

- a. Menggabung pengetahuan dan kemahiran yang telah dipelajari dengan dunia pekerjaan sebenar khususnya pekerjaan yang berkaitan dengan ilmu Sains Sosial (C5). [*Combine knowledge and skill they have learned to working world reality, particularly jobs related to Social Sciences (C5)*]
- b. Mengenalpasti kemahiran pembelajaran sepanjang hayat dan peluang-peluang pekerjaan yang ada di agensi-agensi yang menawarkan perkhidmatan dalam tempoh masa latihan yang ditetapkan oleh pihak Universiti (A4). [*Identify lifelong learning skills and job opportunities available at agencies that offer services within the period set by the University (A4)*]
- c. Mempamerkan profesionalisme dan nilai moral dan beretika sebagai pelatih di bawah penyeliaan pegawai yang telah dilantik di agensi (A3). [*Demonstrate professionalism as well as moral and ethical values as a trainee under the supervision of appointed officer at the agency (A3)*]
- d. Mempamerkan keupayaan untuk bekerja secara individu atau berdasar persekitaran berpasukan (A3). [*Demonstrate ability to work individually as well as team based environment (A3)*]

### iv. Tempoh Penempatan

Bergantung kepada penawaran program yang terkini, tempoh program Latihan Industri (kod kursus: SSF3026) adalah selama dua belas (12) minggu (minima), dan dijalankan pada awal antar sesi dan hanya terhad kepada pelajar-pelajar tahun akhir program-program tersebut.

Manakala, tempoh program Latihan Industri (kod kursus: SSF2115) adalah selama sepuluh (10) minggu (minima), dan dijalankan pada awal antar sesi tahun dua dan hanya terhad kepada pelajar-pelajar tahun dua program-program tersebut.

Adalah dicadangkan supaya pelajar ditempatkan di pelbagai bahagian organisasi yang difikirkan sesuai dengan bidang pengkhususan pelajar.

v. **Pilihan trek latihan industri**

Pelajar mempunyai empat (4) trek pilihan bagi menjalani latihan industri. UNIMAS di bawah Pusat Industri Universiti (UnIC) telah menyediakan empat (4) trek latihan industri bagi pelajar iaitu:

a. **Trek Industri (Industri luar atau PTJ dalam UNIMAS)**

**Industri luar:** Permohonan pelajar UNIMAS ke industri luar UNIMAS (agensi kerajaan atau agensi swasta) akan dikendalikan terus oleh pihak fakulti

**PTJ dalam UNIMAS:** Permohonan pelajar bagi latihan industri di PTJ dalam UNIMAS perlu melalui pihak UnIC.

b. **Trek Penyelidikan/Projek**

Pelajar akan menjalani latihan industri samada di bawah geran penyelidikan, penyelidikan kontrak, konsultansi dan lain-lain geran/projek yang berdaftar dengan UNIMAS.

c. **Trek Keusahawanan**

Pelajar perlu berdaftar dengan UNIMAS Apprentice dan KOSISWA. Pelajar mempunyai dua pilihan. Pertama; membuka perniagaan sendiri dan perlu mempunyai lesen perniagaan daripada pihak berkusa yang berkaitan. Pilihan kedua; menjalani penempatan tanpa membuka perniagaan melalui kaedah ‘apprenticeship’ dengan mana-mana usahawan yang telah berjaya yang dilantik oleh pihak UnIC.

d. **Trek Komuniti Projek**

Pelajar akan melaksanakan projek komuniti dengan mana-mana persatuan/pertubuhan berbentuk komuniti yang berdaftar. Pelajar perlu menyatakan dengan jelas projek/aktiviti semasa permohonan dan geran/peruntukan yang terlibat.

vi. **Tindakan**

Sebelum pelajar memulakan program Latihan Industri, para pelajar akan diberikan penerangan oleh Penyelaras Latihan Industri Program masing-masing tentang program latihan. Pada peringkat ini, para pelajar dibenarkan mencari organisasi atau agensi pilihan masing-masing berdasarkan minat dan bidang masing-masing.

Pelajar perlu memajukan borang permohonan latihan industri dan cadangan organisasi beserta alamat penuh kepada Penyelaras Latihan Industri Program. Dibantu oleh pembantu tadbir program masing-masing, surat rasmi permohonan latihan industri akan dikeluarkan oleh pihak fakulti dan pelajar perlu memajukan permohonan rasmi menjalani latihan industri kepada agensi terbabit melalui surat/emel/faks. Pihak agensi akan memberi maklumbalas melalui surat/emel/faks atau telefon kepada pelajar dan pihak fakulti.

Pelajar hendaklah memastikan mereka mempunyai borang pengesahan pendaftaran latihan industri, borang penilaian agensi, rekod tugas dan buku log (aktiviti mingguan) untuk

penilaian dan maklumbalas kepada pelajar. Pelajar hendaklah melaporkan diri kepada pegawai penyelia yang telah ditetapkan oleh agensi. Pada peringkat ini, pelajar akan diberikan beberapa panduan asas Latihan Industri beserta borang penilaian untuk diserahkan kepada penyelia bagi tujuan penilaian. Penyelia akan bertanggungjawab selama mana pelajar menjalani Latihan Industri mereka.

**a. Semasa Penempatan**

Selepas ditempatkan di bahagian masing-masing, pelajar dikehendaki menghantar borang pengesahan pendaftaran Latihan Industri yang diberikan oleh Penyelaras Latihan Industri Program . Sila hantar borang tersebut ke Fakulti melalui pos/emel/faks dalam tempoh 7 hari setelah mendaftar. Nombor telefon, alamat emel dan nama penyelia diperlukan kerana penyelaras program akan menghubungi penyelia bagi mengetahui perkembangan latihan pelajar terbabit.

Para pelajar juga dikehendaki selalu berbincang tentang tugas dan tanggungjawab dengan penyelia. Para pelajar dikehendaki mematuhi semua keperluan tersebut bagi mengelakkan mereka gagal semasa latihan. Pelajar juga dikehendaki menyertakan perancangan tugas yang telah dipersetujui di antara pelajar dan penyelia. Perancangan ini akan disemal oleh pensyarah atau penyelaras program dan mungkin dipinda jika perlu. Walau bagaimanapun, semua pindaan ini tertakluk kepada persetujuan semua pihak yang terbabit. Sebagai satu rekod yang akan dijadikan kenyataan kehadiran pelajar semasa di penempatan, pelajar hendaklah mencatatkan segala tugas harian mereka di dalam buku log Latihan Industri dan secara atas talian. Penyelaras akan menyemak tugas secara atas talian dari masa ke semasa.

**b. Sesudah Penempatan**

Sebelum pelajar menamatkan Latihan Industri, penyelaras sebaiknya menghubungi penyelia dan pelajar dengan maksud mengetahui perkembangan latihan pelajar. Adalah digalakkan untuk penyelaras atau wakil program melawat para pelajar semasa mereka menjalankan latihan industri. Para pelajar dikehendaki memastikan penyelia telahpun selesai mengisi borang penilaian bagi mengelakkan timbulnya masalah kemudian hari. Penyelia dinasihatkan untuk menghantar laporan penilaian selewat-lewatnya dalam tempoh seminggu selepas pelajar menamatkan Latihan Industri mereka.

Setiap pelajar dikehendaki menyediakan laporan Latihan Industri masing-masing dan dikehendaki mengemukakan kepada Fakulti dalam tempoh satu (1) minggu berserta buku log setelah menamatkan latihan masing-masing. Laporan hendaklah disediakan mengikut format yang telah ditentukan Fakulti.

**vii. Penyelia dan Penyeliaan/Peranan Agensi**

Cadangan latihan terperinci adalah sukar dirumuskan memandangkan aktiviti kerja setiap agensi adalah berbeza dan tertakluk kepada faktor tertentu. Oleh yang demikian, fakulti berharap agensi yang menerima pelajar dapat menyediakan satu perancangan program latihan dengan kerjasama Fakulti.

Penyelia Fakulti seharusnya membuat janji temu dengan penyelia agensi berkaitan, berjumpa penyelia agensi dan pelajar, serta memberikan penerangan lanjut tentang fakulti jika agensi menerima pelajar buat kali pertama.

Penyelia Fakulti juga sebaiknya mendapatkan maklumat mengenai aktiviti pelajar, prestasi dan aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan oleh pelajar.

Penyelia Agensi pula bertanggungjawab kepada organisasinya terhadap tugas-tugas yang dikendalikan oleh pelajar dan mengadakan sesi perbincangan dengan pelajar. Sekiranya penyelia agensi bercuti atas sebab-sebab tertentu, pegawai terkanan dicadangkan mengambil alih tugas penyeliaan.

Di peringkat agensi, penyelia perlu membuat persediaan menerima pelajar sesuai dengan tanggungjawab sebagai seorang profesional. Penyelia digalakkan mengadakan perbincangan dengan semua kakitangan mengenai tujuan dan matlamat pelajar. Penyelia perlu memperkenalkan pelajar dengan semua kakitangan agensi.

### viii. Tanggungjawab Pelajar/Peringatan kepada Pelajar

- a. **Penginapan:** pelajar adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan tempat tinggal sendiri. Fakulti tidak bertanggungjawab mengenai tempat tinggal pelajar. Walau bagaimanapun, Fakulti akan memberikan pertimbangan wajar dari segi jarak dan lokasi di antara tempat tinggal pelajar dengan organisasi di mana pelajar ditempatkan.
- b. **Waktu Latihan:** pelajar hendaklah mematuhi waktu kerja agensi atau waktu pejabat yang telah ditetapkan oleh agensi/organisasi di mana pelajar melakukan Latihan Industri. Pelajar tidak dibenarkan bekerja kurang daripada waktu yang ditetapkan, ataupun berada di luar agensi pada waktu pelajar seharusnya melakukan Latihan Industri.
- c. **Cuti Pelepasan:** pelajar tidak dibenarkan mendapat sebarang cuti dalam tempoh Latihan Industri kecuali cuti sakit, cuti umum, atau hal-hal kecemasan yang melibatkan kematian ahli keluarga nuklear. Bagi kes cuti sakit, pelajar hendaklah mengemukakan bukti melalui surat kebenaran doktor yang diterima oleh universiti. Pelajar hendaklah menyerahkan sijil cuti sakit tersebut kepada agensi dan satu salinan kepada fakulti.
- d. **Keselamatan:** pelajar pada setiap masa hendaklah menjaga keselamatan diri pelajar.
- e. **Disiplin:** pada setiap masa, pelajar hendaklah patuh kepada disiplin sesuai dengan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh universiti dan agensi di mana pelajar ditempatkan. Pelajar mungkin akan digagalkan jika melanggar disiplin ataupun melakukan perkara-perkara yang menjatuhkan nama baik universiti.
- f. **Maklumat-maklumat Rahsia:** pada setiap masa, pelajar hendaklah menjaga sebarang maklumat yang dianggap rahsia yang diperolehi sewaktu menjalani Latihan Industri. Maklumat ini hendaklah disimpan dan tidak boleh dihebahkan tanpa kebenaran organisasi berkenaan. Dalam situasi tertentu, pelajar mungkin perlu menandatangani akujanji sebagai tanda pengakuan pelajar menjaga maklumat-maklumat rahsia.
- g. **Pertukaran tempat latihan industri:** setelah pelajar melapor diri di agensi bagi tujuan latihan industri, pelajar tidak dibenarkan untuk menukar agensi tanpa sebab-sebab yang munasabah.

#### h. **Lain-lain**

Pelajar memaklumkan kepada Fakulti, melalui Penyelaras, alamat tempat latihan serta nombor telefon di mana pelajar boleh dihubungi semasa latihan atau semasa kecemasan. Pelajar melaporkan kepada Fakulti sekiranya terdapat masalah yang memerlukan penyelesaian pihak universiti.

Pelajar berbincang dengan pegawai yang berkenaan, selaku penyelia kepada pelajar semasa tempoh latihan, bagi merancang program latihan (jadual tugas) yang sesuai. Pelajar mesti menjalani latihan mengikut jadual kerja yang telah dipersetujui oleh pelajar dan pihak penyelia/agensi.

Penyesuaian diri dan Pembentukan Peribadi: pelajar hendaklah menganggap Latihan Industri sebagai peluang untuk membentuk sikap dan peribadi terhadap kerja dan dapat mengendalikan kerja secara profesional. Pelajar juga seharusnya dapat menyesuaikan diri dengan kehendak majikan/agensi termasuklah berinteraksi dengan pekerja-pekerja di semua peringkat dan situasi.

#### ix. Gangguan Pembelajaran (*Blocking*) Semasa Penempatan Latihan Industri

Semasa penempatan industri, kadangkala berlaku situasi apabila pelajar menghadapi jalan buntu (*block*). Sekiranya ini berlaku, Penyelia dan Penyelaras perlu membantu mengatasi masalah tersebut.

Antara faktor terjadinya situasi berkenaan adalah: kurangnya pengetahuan dan persediaan pelajar mengenai hal yang sedang dikendalikan, kurangnya pemahaman, kurangnya kemahiran, tidak berkeyakinan dan berlakunya gangguan peribadi.

#### x. Penilaian

Program Latihan Industri ini dianggap sama seperti kursus-kursus teras Fakulti yang lain. Oleh itu, program Latihan Industri ini juga akan dinilai seperti kursus teras fakulti.

Gred **LULUS/KANDAS** akan ditentukan oleh penyelia agensi yang telah dikenalpasti oleh agensi berkenaan.

Penilaian untuk gred Latihan Industri adalah berdasarkan tiga komponen penilaian iaitu **laporan penilaian penyelia, laporan logbook dan laporan akhir pelajar**.

#### xi. Penyediaan Laporan

Laporan Latihan Industri pelajar adalah penting dan menjadi aspek utama penilaian latihan ini. Oleh itu, pelajar hendaklah memastikan kualiti laporannya terjamin. Pelajar perlu mengemukakan dua (2) jenis laporan setelah menamatkan Latihan Industri. Laporan tersebut adalah seperti berikut:

- Buku Log - Buku Log ini akan mengandungi maklumat berkenaan dengan kerja-kerja yang dilakukan pada setiap minggu latihan dijalankan. Maklumat penting dalam buku log mungkin merangkumi apa yang dibuat, siapa yang terlibat, dan bagaimana tugas itu dilakukan. Buku Log perlu disahkan oleh Penyelia Agensi.
- Laporan agensi adalah laporan tempat pelajar menjalani Latihan Industri. Secara ringkas ia adalah tentang misi organisasi berkenaan, struktur organisasi serta tugas/peranan yang dilakukan oleh organisasi.
- Kriteria-kriteria di bawah boleh digunakan sebagai panduan untuk anda menyediakan laporan tersebut.
  - a. Muka surat depan dan Isi kandungan laporan
  - b. Latarbelakang organisasi
  - c. Carta organisasi bagi agensi
  - d. Aktiviti/Tugasan sepanjang latihan industri (sertakan ulasan ringkas berkenaan tugsasan tersebut)
  - e. Refleksi peribadi
  - f. Cadangan
  - g. Rujukan dan appendiks

Setiap laporan sebaiknya disertakan dengan ringkasan eksekutif (*executive summary*) dan satu halaman yang mempunyai nama pelajar dan agensi di mana pelajar melakukan latihan industri.

Laporan hendaklah disediakan mengikut piawaian penulisan akademik. Oleh itu, pelajar dikehendaki memelihara mutu bahasa, struktur ayat, ketepatan makna dan fakta, dan ketepatan maklumat.

Para pelajar Program Kajian Khidmat Sosial akan disyaratkan menyediakan dua tugas tambahan iaitu (i) Laporan Kajian Kes dan (ii) Laporan Projek. Kedua-dua laporan ini hendaklah dihantar kepada penyelaras latihan industri program untuk penilaian satu (1) minggu selepas menamatkan Latihan Industri.

xii. **Lain-lain**

Untuk penetapan dan pemilihan organisasi/agensi, pelajar hanya dibenarkan memilih satu (1) agensi pilihan.

## 10. TATACARA PELAJAR MENGHADIRI PEPERIKSAAN

- i. Pelajar diwajibkan memakai kad matrik masing-masing:
- ii. Pelajar **TIDAK** dibenarkan membawa masuk ke dewan peperiksaan barang-barang seperti di bawah:
  - Nota
  - Telefon Bimbit
  - Beg
  - Topi/Kopiah
  - Kamus
- iii. Pelajar hanya dibenarkan membawa masuk barang-barang seperti berikut:
  - Pen dan pensel
  - Pemadam
  - Pembaris atau alatan melukis
  - Kalkulator (jika berkaitan)
  - Slip menduduki peperiksaan
- iv. Kehadiran pelajar menduduki peperiksaan akan diambil.
- v. Pelajar tidak dibenarkan keluar dari bilik peperiksaan 30 minit pertama setelah bermulanya peperiksaan dan 15 minit yang terakhir sebelum tamat peperiksaan.
- vi. Sekiranya pelajar ingin meninggalkan bilik peperiksaan untuk sebarang sebab sebelum tempoh peperiksaan tamat, sila angkat tangan dan tunggu sehingga menerima kebenaran daripada pengawas peperiksaan.
- vii. Pelajar yang hendak ke tandas akan ditemani oleh pegawas yang bertugas.
- viii. Sebarang percubaan untuk meniru atau sebarang perlakuan yang mencurigakan adalah perkara yang dianggap salah. Jika disabit kesalahan pelajar akan dikenakan tindakan tatatertib seperti yang telah ditetapkan oleh UNIMAS.

Peraturan Akademik Ijazah Sarjana Muda UNIMAS boleh didapati di <http://www.bpps.unimas.my>.

## 11. KOD GANGGUAN SEKSUAL

Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) mempunyai prosedur tertentu untuk menangani aduan mengenai gangguan seksual. Gangguan seksual didefinisikan sebagai kelakuan yang bersifat seksual yang tidak diundang, tidak disenangi mahupun dikehendaki. Kelakuan tersebut akan menyebabkan seseorang merasa jijik, terhina atau terancam. Gangguan seksual boleh dikategorikan dalam lima bentuk seperti berikut:

- i. Lisan – Contohnya, kata-kata dan jenaka berunsur lucah atau menjijikkan, komen, sindiran dan perbualan yang berunsur seksual.
- ii. Bukan lisan/gerakan anggota badan – Contohnya, pandangan yang menghairahkan, menjilat bibir dengan cara provokatif, isyarat tangan atau bahasa isyarat yang menandakan aktiviti seksual.
- iii. Visual – Contohnya, menunjukkan bahan-bahan lucah, gambar yang menjijikkan, lakaran atau tulisan berunsur seksual dan mendedahkan bahagian seks.
- iv. Psikologikal – Contohnya, berterusan mengulangi jemputan sosial yang tidak disenangi.
- v. Fizikal – Contohnya, kelakuan yang tidak senonoh seperti menyentuh, menepuk, mencubit, meraba, memeluk, mencium dan serangan seksual.

Universiti memandang isu dan masalah mangsa gangguan seksual ini dengan amat serius. Pelajar diminta supaya tidak mendiamkan diri sekiranya mengalami gangguan seksual seperti yang dinyatakan di atas. Keberanian anda akan membantu mencegah masalah ini dan menyelamatkan pelajar lain daripada menjadi mangsa. Sekiranya anda menghadapai masalah yang dianggap sebagai gangguan seksual, sila hubungi Mentor/Kaunselor/Ketua Jabatan/Timbalan Dekan/Dekan atau sesiapa di kalangan staf universiti yang anda percayai. Semua pertanyaan dan aduan yang dibuat akan dirahsiakan dan dipertimbangkan secara adil.

## 12. LARANGAN TERHADAP PLAGIARISME

- i. Seseorang pelajar tidak boleh memplagiat apa-apa idea, penulisan, data atau ciptaan orang lain.
- ii. Bagi maksud kaedah ini, plagiarisme termasuklah:
  - a. Perbuatan mengambil sesuatu ide, penulisan, data atau ciptaan orang lain dan mendakwa bahawa ide, penulisan, data atau ciptaan itu adalah hasil dapatan atau ciptaan sendiri; atau
  - b. Suatu cubaan untuk menonjolkan atau perbuatan menonjolkan dalam apa -apa cara, bahawa dia ialah sumber asal atau pencipta sesuatu ide, penulisan, sata atau ciptaan yang adalah sebenarnya diambil daripada beberapa sumber lain.
- iii. Tanpa menjelaskan kluasan makna subkaedah (b), seseorang pelajar memplagiat apabila dia:
  - a. Menerbitkan, dengan dirinya sebagai pengarang suatu ringkasan, kertas saintifik atau akademik, atau buku yang adalah keseluruhan atau sebahagiannya ditulis oleh beberapa orang lain;
  - b. Menggabungkan dirinya atau membenarkan dirinya digabungkan sebagai pengarang bersama sesuatu ringkasan, artikel, kertas saintifik atau akademik atau buku, apabila dia tidak langsung membuat apa-apa sumbangan bertulis kepada ringkasan, artikel, kertas saintifik atau akademik atau buku berkenaan;
  - c. Memaksa orang lain untuk memasukkan namanya dalam senarai penyelidik bersama bagi sesuatu projek penyelidikan tertentu atau sebagai pengarang bersama apabila dia tidak membuat apa-apa sumbangan yang boleh melayakkan dirinya sebagai penyelidik bersama atau pengarang bersama;
  - d. Memetik data akademik yang adalah hasil penyelidikan yang dijalankan oleh beberapa orang lain, seperti dapatan makmal atau dapatan kerja lapangan, sama ada diterbitkan atau tidak, dan menggabungkan data tersebut sebagai sebahagian daripada penyelidikan akademiknya tanpa memberi pengiktirafan sewajarnya kepada sumber asal;
  - e. Menggunakan data penyelidikan yang diperolehi melalui kerja usaha sama dengan beberapa orang lain, sama ada atau tidak orang lain itu anggota kakitangan atau pelajar Universiti sebagai sebahagian daripada penyelidikan akademik yang berbeza, atau bagi penerbitan atas namanya sendiri sebagai pengarang tunggal, tanpa memperolehi keizinan penyelidik bersamanya sebelum memulakan penyelidikan peribadinya atau sebelum menerbitkan data;
  - f. Menyalin idea atau ciptaan orang lain yang disimpan dalam apa-apa jua bentuk, sama ada bertulis, tercetak atau tersedia dalam bentuk elektronik, atau dalam bentuk slaid, atau dalam apa jua bentuk pengajaran atau perkakas penyelidikan atau dalam apa-apa bentuk lain dan mengaku sama ada secara langsung atau tidak langsung bahawa dia ialah pencipta ide atau ciptaan itu;

- g. Menterjemahkan tulisan atau ciptaan orang lain daripada satu bahasa kepada bahasa lain sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, dan kemudian mengemukakan terjemahan itu dalam apa-apa jua bentuk atau cara sebagai penulisannya atau ciptaannya sendiri; dan
- h. Memetik idea daripada penulisan atau ciptaan orang lain dan membuat beberapa pengubahsuaian tanpa rujukan sewajarnya kepada sumber asal dan menyusunnya semula dalam apa-apa cara yang scolah-olah dia ialah pencipta idea-idea itu.

# *Welcoming Remarks*

## Welcome to the Faculty of Social Sciences and Humanities.

*Mahasiswa/i FSSK yang sayang sayangi,*



It gives me great pleasure to extend a warm welcome to you on behalf of everyone here at the Faculty of Social Sciences and Humanities. Social sciences and humanities are innovative and exciting fields of study that explore a wide variety of social phenomenon.

We offer students a wide variety of courses and programs with a good research and teaching environment. This is in line with our vision of aspiring to be a renowned centre of social science and humanities studies both nationally and internationally. We prepare students to achieve their goals in an interconnected global society through a contemporary curriculum emphasizing interdisciplinary learning and research.

Our faculty members and students engage in interdisciplinary research and scholarship through collaborations with national and international institutions. I am very proud of the many accomplishments of our researchers in the Faculty of Social Sciences and Humanities. The breadth of their research illustrates not only excellence within their disciplines but also the ability to provide answers to questions that transcend disciplinary boundaries.

This booklet provides information that is a key to your successful navigation of the social sciences and humanities programs you have chosen. In particular, you are advised to carefully read the regulations given here as they will determine how you progress through the programs.

We strive to put students first in all our endeavors. If ever there comes a time you feel otherwise, please share your ideas, thoughts, and feelings with us so we can work together to make this faculty the best community possible.

**Profesor Dr Neilson Ilan Mersat**

Dekan

## 1. UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

### 1.1 History

Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Malaysia's eighth university was officially incorporated on 24 December 1992. A university that is contemporary in character and forward-looking in outlook, it is committed in providing the nation with leaders, managers, scientists and technical specialists as well as thoughtful citizens who are capable of handling the complex challenges of our common future - confidently, competently, and creatively.

With about 30 academic staff, the University opened its doors to the first batch of 118 students on 5<sup>th</sup> August 1993. The students were registered in the two pioneering faculties, the Faculty of Social Science and the Faculty of Resource Science and Technology. Two academic support centres were also established: the Centre for Applied Learning and Multimedia, and the Centre for Academic Information Services.

The following year (1994) saw four more faculties opening their doors for degree courses: the Faculty of Cognitive Sciences and Human Development, the Faculty of Applied and Creative Arts, the Faculty of Engineering, and the Faculty of Information Technology. Staff and student numbers quadrupled. Meanwhile, the University also grew in profile as most faculties began to offer postgraduate programmes. Research activities began to take root with the establishment of the Institute of Biodiversity and Environment Conservation, which focuses on the myriad of flora and fauna in Borneo. Links with various universities abroad were also established. In the same year, the Centre for Technology Transfer and Consultancy UNIMAS, won the contract for EIA study of the Bakun Hydroelectric Project, the biggest ever EIA project in the country.

The period between January 1995 and the end of December 1996 saw further consolidation in the academic and research structure of the university. Two more faculties began taking in their pioneer batches of students; the Faculty of Medicine and Health Sciences (1995) and the Faculty of Economics and Business (1996). These brought the total number of faculties to eight, as originally planned. The Centre for Language & Communication Studies began to offer the TESL programme, in addition to generic language courses. The Institute of Health and Community Medicine, and the Institute of Software Technology were then added to the list of research institutes.

The historic year of 1997 witnessed the pioneering batch of graduates receiving their degrees at the inaugural convocation of the University. The year also saw the establishment of the Institute of East Asian Studies.

### 1.2 Vision and Mission

Vision – A leading global university for a sustainable future.

Mission – To enhance the social and economic impacts on the global community through the pursuit of excellence in teaching, research and strategic engagement.

## 2. FACULTY OF SOCIAL SCIENCES AND HUMANITIES

### 2.1 History

The Faculty of Social Sciences and Humanities is one of the first two faculties offering undergraduate academic programmes when Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) was established on the 5<sup>th</sup> of August 1993. The faculty initially operated at Sekolah Latihan Telekom, Semariang, Kuching before moving to the temporary campus at Kota Samarahan on the 2<sup>nd</sup> of October 1993. After 18 years of functioning in the temporary East Campus, the faculty officially moved to the permanent campus, known as the West Campus, in July 2011. The faculty is one of the ten (10) chosen faculties in UNIMAS for academicians to build their careers and students to further their studies.

The Faculty of Social Sciences and Humanities offers six (6) undergraduate academic programmes – Social Work Studies, Industrial Relations and Labour Studies, Development Planning and Management, International Studies, Politics and Government, and Anthropology and Sociology. Equipped with skilled and experienced academic staff, the programmes offer both theoretical knowledge and practical experience to ensure the graduates are competent in the field of social sciences and humanities and are able to cope with global challenges.

To date, Faculty of Social Sciences and Humanities had conferred a total of 7,249 graduates in Bachelor of Social Sciences degrees and 135 graduates in Masters degree and PhD.

### 2.2 Mission

- a. To attain an outstanding level of teaching, learning and researching in the field of social sciences and humanities.
- b. To instill the spirit of striving towards excellence and integrity in pursuing social science and humanities knowledge and research.
- c. To contribute to societal and national development in an intellectual context.

### 2.3 Aims

The main aims of the Faculty are to:

- a. train and produce graduates in various disciplines of social science and humanities armed with critical thinking and analytical skills who possess skills in application of information technology and communication (ICT).
- b. offer postgraduate programmes in certain fields.
- c. establish a conducive environment for research and publication that support quality teaching and learning.

### 2.4 Objectives

To achieve those aims, the objectives of the faculty are to:

- a. train all the faculty's academic staff to PhD level.
- b. offer contemporary and applied courses in order to produce quality graduates.
- c. actively participate in academic research and publication.
- d. establish relationships between academic research and postgraduate programmes.
- e. establish intellectual and research collaboration with institutions of higher learning, government and non-government bodies both within and outside the country.

### 3. ACADEMIC STUDIES

#### 3.1 Program Structure

The academic programme in the Faculty of Social Sciences and Humanities offers several selected disciplines in social sciences in a holistic and multi-disciplinary approach. It aims to disseminate knowledge on the perspectives of social sciences and humanities so that the knowledge can be used in guiding and planning for community development. This is particularly useful in the context of rapid industrial development that is currently taking place in this country. Every programmes has a minimum of **120 credits**, which are divided into 3 main components:

**a. Faculty and Program Core Courses**

Core courses are courses which are broad-based, comprehensive and in-depth in the area of specialization of students. These courses also emphasize on the aspects of technology and management.

**b. University Generic Courses**

These courses help the students to instill and develop their soft skills. This includes developing their competency and skills in information technology and management. These generic courses aim to inculcate positive attitudes and competency in managing oneself. Additionally, the students are required to have good communication skills in both Bahasa Malaysia and English.

**c. University Elective Courses**

These courses enable the students to study other courses that they are interested in on top of their own specialized courses.

**d. General Education Subjects**

General Education Subjects are compulsory courses which is the pre-requisite for the undergraduate award. Courses under the category of MPU are seen to be able to produce holistic graduates, appreciate the values of patriotism and Malaysian-born identity and mastering soft skills towards fulfilling job-oriented skills. The course code under this category starts with MPU.

**e. Pre-requisite Courses**

A pre-requisite course is a course that must be completed by students and passed, before undertaking another specified course. Example: SSF2014 Final Year Project I (FYP 1) and Final Year Project II (FYP II).

#### 3.2 Semester Systems

The academic calendar in UNIMAS is based on the semester system. There will be three semesters in an academic year:

Semester 1 : 17 weeks

Semester 2 : 17 weeks

Intersession : 8 weeks

#### 3.3 Course Registration

Students are fully responsible to register for courses taken at each semester on the dates as set by the Undergraduate Studies Division (BPPs).

### 3.4 Study Duration

Duration of study is between three years (6 semesters) to 6 years (12 semesters). Application to extend the duration of study beyond the maximum duration shall be recommended by the faculty, and is subject to the approval of the university's Senate.

### 3.5 Evaluation

Course evaluation is usually made through continuous assessment (assignments and other forms of course work), mid semester exam (if any) and final assessment (final examination).

### 3.6 Faculty's Course Code

Every course has its own course code, which comprises 3 alphabets and 4 numbers. Example: SSn 1013 whereby:

SS represents the Faculty of Social Sciences and Humanities' courses  
n represents either the Faculty's or the programme's courses

**The 'n' code includes:**

F : Faculty's courses

A : Courses from the International Studies Programme

B : Courses from the Industrial & Labour Relations Programme

K : Courses from the Communication Studies Programme

P : Courses from the Politics & Government Programme

R : Courses from the Development Planning & Management Programme

S : Courses from the Social Work Studies Programme

U : Generic courses from faculty (offer to students outside FSS)

Y : Courses from the Anthropology and Sociology Programme

M : General Education Subjects

**Number**

1 : Represents the year of study

0 : Number of courses

1 : Number of courses

3 : Represents the total credits for the course

## 4. PROGRAMS OF STUDY

### 4.1 Program Educational Objectives (PEO)

The program educational objectives are fully compatible with the mission of Universiti Malaysia Sarawak. Program objectives are monitored by the program's Panel Advisory Board and employers, stakeholder, alumni, and students of the program. Within 5 years after graduation, graduates of the Faculty of Social Sciences and Humanities are expected to contribute to the profession and to the society as a whole by achieving a combination of the following milestones:

- a. Able to participate and take a leadership role on various aspects of real life environment and practice their profession ethically, with integrity and objectivity,
- b. Able to work individually as well as team based environment, and
- c. Continually to improve their level of knowledge, skills and competency through professional life long learning and postgraduate education.

#### 4.2 Program Learning Outcomes (PLO)

- a. At the end of their studies, graduates of Bachelor of Social Sciences and Humanities are expected to be capable of meeting the following learning objectives:
- b. To interpret and synthesize their knowledge through both verbal and written communication.
- c. To demonstrate professionalism as well as moral and ethical values in sharing knowledge.
- d. To express, conceptualize, and apply theories, concepts and perceptions in addressing community issues in society.
- e. To participate in creative and critical discussions of cultural and societal problems and issues. These include:
  - i. Ability to appreciate aesthetical and civilizational dimensions in human development.
  - ii. Ability to question existing paradigms and perceptions in society with the aim of seeking alternative ways of understanding and explaining.
- f. Apply intellectual imagination to select and conceptualize understanding and explanation about human behaviors at micro level in historical and structure contexts while at the same time able to put forward understandings and explanations in local and global discourses.
- g. To continue life-long learning skills and play a proactive role in society by participating in discussions of societal issues.
- h. To be flexible in incorporating social science knowledge into the needs of today's world. In this context, students are able to apply social science perspectives for the advancement of social well-being in either corporate, industrial, public or private sectors without neglecting ethical and humanitarian aspects
  - i. To apply skills acquired to meet the demands of daily life.

## 4.3 Programs of Study Offered

### a. Industrial Relations and Employment (UW6347001)

#### Concept and Rationale

Industrial Relations and Labour Studies programme enables the students to recognize the issues of globalization, production and the multidivisional nature of work. This includes examining the changing patterns in the work processes and its implications on daily routines of individuals, families and society. It also covers the labour relations between workers, employers and the Government, as well as the relevant laws governing this issue. In addition, this specialization also focuses on the latest issues in development, planning and management of human resources as well as other significant aspects related to research.

#### Program Educational Objectives

- i. Knowledgeable and competent industrial relations officers who act as intermediary between the management and employees in the workplace.
- ii. Capable industrial relations managers who develop and advise concerning terms and conditions of employment consistent with the industrial relations and employment legislation.
- iii. Qualified and responsible leaders who manage talents and human capital in the organizations by applying interpersonal and digital skills throughout the management process.
- iv. Flexible professionals who capable to communicate and demonstrate entrepreneurship skills and administer the organizations and business enterprises.

#### Program Learning Outcomes

The courses offered by this programme are aimed at fulfilling these nine learning outcomes:

- i. Possess fundamental knowledge and understanding of labour and industrial relations.
- ii. Utilise analytical and critical thinking to handle issues and resolve problems in workplace.
- iii. Diagnose problems and issues peculiar to the workplace setting.
- iv. Interact with people at all levels in the organization and put forward ideas in various forums and environment.
- v. Communicate effectively with internal and external stakeholders for organizational success.
- vi. Leverage on the use of information and digital technology for the advancement and organizational operations.
- vii. Manage qualitative and numerical information to enhance performance of organizational tasks, obligations and responsibilities.
- viii. Demonstrate leadership traits by influencing, delegating and managing individuals towards achieving common organizational.
- ix. Apply important personal skills including critical thinking, problem solving, negotiating in daily encounters.
- x. Undertake entrepreneur skills by outsourcing resources and opportunities for business sustainability.
- xi. Execute professionalism principles consistent with ethics, values and norms of the labour and industrial relations ecosystem.

**b. Anthropology and Sociology Program (UW6312001)****Concept and Rationale**

Anthropology and Sociology programme offers a thorough theoretical foundation for enhancing students' analytical skills when interpreting society and its issues. It provides extensive knowledge on themes like environment, culture, deviance, youth, indigenous communities, and globalisation. The programme is at the forefront in the development of Borneo studies incorporated through teaching and research by examining the contributions of the discipline to our knowledge on Bornean societies and transformation. In this connection, the programme's pursuit of the scholarly lines of inquiry is to critically reflect on the challenges and contradictions arising from the global forces and the effects of capitalist rationalisation on contemporary societies.

